

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	4 OCTOBER 2016

Demokrasi lebih subur di era Najib berbanding Dr Mahathir

BH- 4/10/2016

➔ Kebebasan sistem kehakiman, perundangan dipulihkan, ISA dimansuh

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Kebebasan dan demokrasi di negara ini lebih subur pada masa Barisan Nasional (BN) di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berbanding era Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengarah Komunikasi Strategik BN, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata kebebasan dalam sistem kehakiman dan perundangan dipulihkan, manakala kebebasan menyatakan bantahan dijadikan sebahagian daripada undang-undang menerusi Akta Perhimpunan Aman 2012.

Malah, undang-undang yang digunakan Dr Mahathir untuk menekan mereka yang menentangnya, seperti Akta Keselamatan Da-

lam Negeri (ISA) sudah dimansuhkan apabila Najib menjadi Perdana Menteri, katanya.

Demokrasi di Malaysia tumbuh subur

“Demokrasi di Malaysia tumbuh subur dalam suasana yang tidak pernah dinikmati di bawah pemerintahan Dr Mahathir,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Abdul Rahman yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, bagi mereka yang memahami sejarah Malaysia, agak menghairankan apabila mendengar Dr Mahathir bercakap mengenai demokrasi.

Katanya, baru-baru ini, Dr Mahathir secara terbuka mengakui menjadi diktator ketika memegang tampuk kuasa yang mana ia sesuatu yang sudah diketahui umum.

Beliau berkata, lebih ironi lagi apabila pemimpin pembangkang,

termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng mempelajari erti demokrasi daripada Dr Mahathir; padahal mereka pernah dipenjarakan sewaktu Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Sifatkan pentadbiran Dr Mahathir ‘autoritarian’

“Seorang lagi sekutu baharu, Datuk Zaid Ibrahim, pernah menyifatkan pentadbiran Dr Mahathir sebagai ‘autoritarian’ dan demokrasi UMNO ‘mati’ di bawah pimpinannya, selain memusnahkan sistem perundangan serta kebebasan sistem kehakiman. Dengan semua itu sekalipun, Zaid kini meminta Dr Mahathir kembali memerintah.

“Hakikatnya, Dr Mahathir kecewa kerana gagal menggulingkan kerajaan yang dilantik secara demokrasi supaya anaknya yang kecundang dalam politik dapat menjadi Perdana Menteri,” katanya.